



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

SIRI 12/2024

KEMULIAAN DAN KELEBIHAN BULAN REJAB

27 DISEMBER 2024 | 25 JAMADILAKHIR 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan diredai Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Bulan Rejab merupakan salah satu daripada empat bulan haram atau bulan yang dihormati dan dimuliakan pada pandangan Islam. Bulan-Bulan Haram itu ialah Bulan Zulkaedah, Zulhijah, Muharram dan Rejab. Allah Subhanahu wa-Ta'ala berfirman dalam surah al-Taubah ayat 36:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ عِدَّةَ الشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ

مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرْمٌ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ فَلَا تَظْلِمُوا فِيهِنَّ أَنْفُسَكُمْ وَقَاتِلُوا

الْمُشْرِكِينَ كَافَّةً كَمَا يُقَاتِلُونَكُمْ كَافَّةً وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya bilangan bulan di sisi (hukum) Allah ialah dua belas bulan (yang telah ditetapkan) dalam kitab Allah semasa Dia menciptakan langit dan bumi termasuk antaranya empat bulan yang dihormati. Itulah ketetapan agama yang lurus maka janganlah kamu menzalimi diri kamu dalam bulan yang dihormati itu (dengan melanggar larangan-Nya) dan perangilah kaum kafir musyrik semuanya sebagaimana mereka memerangi kamu semua. Dan ketahuilah bahawa Allah bersama-sama orang yang bertakwa.*”

Rejab daripada segi bahasa bermaksud menghormati dan memuliakan. Masyarakat Arab Jahiliyyah sangat menghormati dan memuliakan bulan-bulan haram sehingga mereka tidak membenarkan untuk berperang pada bulan-bulan ini. Imam Ibnu Kathir dalam tafsirnya menyatakan bahawa amal soleh yang dilakukan pada bulan ini pahalanya adalah lebih berganda berbanding bulan-bulan yang lain. Demikian jugalah jika dilakukan kezaliman dan kemungkaran dosanya adalah lebih besar.

Bersempena juga dengan sambutan tahun baharu 2025 adalah serentak dengan kedatangan bulan Rejab, marilah kita membuka lembaran tahun baharu 2025 dengan memburu kelebihan dan keberkatan yang ada pada bulan Rejab ini.

Sidang Jemaah Sekalian

Bulan Rejab adalah antara bulan-bulan Haram yang digalakkan berpuasa. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pernah menyatakan kepada seorang sahabat yang ingin berpuasa sunat agar melaksanakannya pada bulan-bulan Haram melalui hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud:

...صُمْ مِنَ الْحَرَمِ وَاتْرُكْ، صُمْ مِنَ الْحَرَمِ وَاتْرُكْ، صُمْ مِنَ الْحَرَمِ وَاتْرُكْ وَقَالَ:

بِأَصَابِعِهِ الثَّلَاثَةِ فَضَمَّهَا ثُمَّ أَرْسَلَهَا

Yang bermaksud: “...Berpuasalah sebahagian daripada bulan-bulan haram dan tinggalkanlah, berpuasalah sebahagian daripada bulan-bulan haram dan tinggalkanlah. berpuasalah sebahagian daripada bulan-bulan haram dan tinggalkanlah. Baginda mengisyaratkan dengan jarinya yang tiga kemudian Baginda menggenggamnya, kemudian melepaskannya.”

Menurut pendapat ulama-ulama dalam Mazhab Shafie antaranya Imam Ibn al-Solah berkata:

“Hadis mengenai kelebihan puasa secara umum dan hadis-hadis mengenai galakan berpuasa pada bulan-bulan haram (Zulkaedah, Zulhijah, Muharram dan Rejab) sudah cukup untuk menggalakkan berpuasa pada bulan Rejab.”

Syeikh Athiyyah Saqar dalam kitabnya *Ahsanul Kalam* berpendapat bahawa berpuasa penuh pada bulan Rejab, Sya’ban dan Ramadan tidak ada dalil yang menghalangnya. Begitu juga Sheikh Wahbah al-Zuhaili mengatakan bahawa puasa

tiga bulan berturut-turut itu diamalkan oleh para solehin dan ia tidak bercanggah selagimana seseorang itu mampu untuk melakukannya dengan tidak beri'tiqad bahawa ia adalah sunnah dan tidak memudaratkan seseorang sehingga tidak mampu berpuasa penuh pada bulan Ramadan.

Sidang Jumaat Yang Dimuliakan

Antara kelebihan bulan Rejab juga ialah, malam pertama pada bulan ini adalah malam yang dimustajabkan doa. Imam as-Syafie menyatakan dalam kitab al-Umm:

إِنَّ الدُّعَاءَ يُسْتَجَابُ فِي خَمْسِ لَيَالٍ: فِي لَيْلَةِ الْجُمُعَةِ، وَلَيْلَةِ الْأَضْحَى، وَلَيْلَةِ الْفِطْرِ، وَأَوَّلِ لَيْلَةٍ مِنْ رَجَبٍ، وَلَيْلَةِ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya doa dikabulkan pada lima malam: Malam Jumaat, malam Hari Raya Idul Adha, malam hari raya Idul Fitri, malam pertama bulan Rejab dan malam Nisfu Sya'ban.*”

Seorang ahli Sufi Abu Bakar al-Warraq mengatakan:

رَجَبُ شَهْرُ الزَّرْعِ وَشَعْبَانُ شَهْرُ السَّقْيِ وَرَمَضَانُ شَهْرُ الْحَصَادِ

Yang bermaksud: “*Bulan Rejab adalah bulan menanam, bulan Sya'ban adalah bulan menyiram dan bulan Ramadan adalah bulan menuai.*”

Berdasarkan beberapa dalil yang telah dinyatakan, adalah jelas tidak ada larangan secara mutlak untuk dilakukan amalan tertentu pada bulan Rejab, demikian juga tidak ada perintah secara mutlak untuk dilakukan amalan tertentu dalam bulan Rejab. Namun untuk merebut kelebihan bulan haram, marilah kita menambahkan amalan kebajikan pada bulan ini.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Sekalian

Dalam bulan Rejab berlakunya beberapa peristiwa bersejarah kepada umat Islam antaranya ialah peristiwa Israk dan Mikraj. Di kemuncak peristiwa inilah Allah Subhanahu Wa ta'ala telah memfardhukan solat lima waktu kepada umat Islam. Pada bulan Rejab juga berlakunya hijrah pertama ke Habsyah, Perang Tabuk, perpindahan arah kiblat daripada Masjidil Aqsa ke Masjidil Haram, kelahiran Imam As-Syafie dan juga pembebasan Baitul Maqdis daripada tangan Tentera Salib. Justeru itu, marilah kita mengambil peluang menghayati sejarah Islam yang berlaku pada bulan yang mulia ini.

Sidang Jumaat yang berbahagia

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita

1. Menghayati hikmah kemuliaan dan kelebihan yang ada dalam bulan Rejab sebagai salah satu bulan haram.
2. Galakkan berpuasa di bulan Rejab namun boleh juga ditambah dengan amalan-amalan sunat yang lain seperti berdoa, qiamullail, membaca al-Quran, mendirikan solat-solat sunat, berzikir, beristighfar, berselawat, menyantuni golongan yang memerlukan bantuan dan lain-lain.

3. Menghayati peristiwa sejarah Islam yang berlaku pada bulan ini untuk kita jadikan ia sebagai panduan dan tauladan dalam kehidupan kita.
4. Seseorang itu boleh melakukan apa jua amal ibadah yang disyariatkan dengan tidak berpegang bahawa ia diperintahkan secara khusus untuk dilakukan pada bulan Rejab. Semua amalan yang dilakukan hanyalah untuk mendapatkan keredhaan Allah ta'ala.

Firman Allah ta'ala dalam surah al-Taubah ayat 105:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنبِّئُكُمْ بِمَا

كُنتُمْ تَعْمَلُونَ

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
 الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
 الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
 الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
 الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.